

ETR 300

RANCANGAN PERNIAGAAN

'SKATE WORLD GALLERY'

DISEDIAKAN UNTUK:

PN. ASMAH BT. ZAINUDDIN
(PENSYARAH ETR 300)

DISEDIAKAN OLEH:

MOHD SHAHRIZAL HASSAN	95937126
MOHD AMIR SHOWFIE BAHARUDDIN	95937206
MOHD SAIFUL AZAM MAHAMOOD	95936997
RODIAH MOHD NOR	95249053
SALIZA EZIANA AHMAD SALEH	95375552



INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **28hb. November 1997**
Surat Tuan:
Surat Kami: **100-CM(AKA 30/7B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma In Banking Studies. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai salah satu syarat bagi memenuhi keperluan matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Mohd Amir Showfie Baharuddin	95937206
2.	Mohd Shahrizal Hassan	95937126
3.	Mohd Saiful Azam Mahamood	95936997
4.	Rodiah Mohd Nor	95249053
5.	Saliza Eziana Ahmad Salleh	95375552

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ASMAH HJ. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN

Kumpulan Skate World Gallery
Kajian Pengurusan dan Perniagaan
Institut Teknologi Mara Cawangan Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Pn Asmah Hj Zainuddin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi Mara Cawangan Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

9 Februari 1998

Puan,

PER: PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Berhubung dengan perkara di atas, di sini kami serahkan *Laporan Rancangan Perniagaan* bagi kumpulan kami yang telah disiapkan mengikut tatacara dan prosedur yang bersesuaian dengan projek yang dicadangkan.

2. Tujuan utama laporan ini ialah untuk mendedahkan kepada para pelajar serba sedikit mengenai cara-cara serta teknik-teknik untuk menjalankan sesebuah perniagaan.

3. Akhir sekali kami mengharapkan agar *Laporan Rancangan Perniagaan* ini menepati keperluan mata pelajaran *Asas Keusahawanan (ETR 300)*.

Sekian. Terima Kasih.

Yang benar,

MOHD AMIR SHOWFIE BAHARUDDIN
95937206

MOHD SHAHRIZAL HASSAN
95937126

RODIAH MOHD NOR
95249053

SALIZA EZIANA AHMAD SALEH
95375552

MOHD SAIFUL AZAM MAHAMOOD
95936997

1.0 PENGENALAN

Dunia perniagaan dan keusahawanan masa kini adalah sangat mencabar. Walaupun begitu, boleh dikatakan kebanyakan dipelopori oleh golongan bumiputera. Menyedari tentang keadaan ini, kumpulan kami telah bercadang untuk menubuhkan sebuah kedai menjual pakaian rekreasi serta peralatan aksesori memandangkan perkembangan sukan tanahair yang semakin meningkat.

Pemilihan tajuk ini juga adalah berdasarkan kepada beberapa faktor, antaranya lokasi yang strategik, pasaran terhadap barang juga adalah luas kerana ia sesuai dengan taraf hidup masyarakat tempatan dalam lingkungan sederhana dan ke atas serta tiada mempunyai saingan yang menyeluruh.

Dengan kata lain, untuk memenuhi impian dan hasrat kerajaan dalam menggalakkan penglibatan kaum bumiputera dalam dunia perniagaan. Kami mengambil inisiatif dengan menubuhkan '*Skate World Gallery*'. Kami percaya penubuhannya akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat di sekitarnya Kuala Lumpur. Ini memandangkan aktiviti rekreasi sudah mula mendapat tempat di hati anak-anak remaja dan ia merupakan satu aktiviti yang berfaedah bagi mengisi masa lapang remaja. Di samping itu juga, ia dapat mengelakkan gejala-gejala yang tidak sihat di kalangan remaja seperti budaya lepak, penagihan dadah dan sebagainya.

2.0 TUJUAN

Rancangan perniagaan ini disediakan oleh kami untuk menerangkan secara keseluruhan tujuan syarikat ini ditubuhkan. Selain daripada itu, ia disediakan untuk melengkapkan diri kami sebagai persediaan memulakan perniagaan kelak. Di antara tujuan penyediaan Rancangan Perniagaan ini dapat dilihat daripada beberapa aspek,

- *Skate World Gallery* itu sendiri

Rancangan perniagaan ini merupakan garis panduan atau rujukan kepada kami untuk melihat sejauh mana perkembangan perniagaan yang ingin diusahakan. Ini dapat dilihat, contohnya daripada analisa pemasaran, operasi, pentadbiran dan kewangan perniagaan kami.

- Syarikat pembekal

Dengan adanya Rancangan Perniagaan, syarikat pembekal dapat melihat sejauh mana potensi budaya maju sesebuah syarikat tersebut. Antara faktor utama yang dilihat adalah membayar kredit yang telah diberikan.